

TRANSFORMASI INDUSTRI BUKU MALAYSIA KE ARAH NEGARA MAJU 2020

Oleh:

HJ. MOHD RAMLY NGAH IDRIS

dan

HJ HASAN HAMZAH



PENDAHULUAN

Pembangunan industri buku Malaysia mempunyai korelasi dengan pembangunan modal insan dan menjadi faktor terpenting dalam proses pembangunan negara. Dalam konteks ini, buku atau bahan ilmu yang bercetak atau tidak bercetak boleh dikategorikan sebagai alat pendidikan yang amat diperlukan dalam sistem pendidikan formal dan tidak formal. Industri buku juga bolehlah dianggap sebagai industri ilmu dan budaya kerana ianya mampu mendidik dan membentuk minda dan budaya modal insan yang sihat, berpengetahuan, berkemahiran serta mempunyai nilai dan akhlak yang terpuji. Modal insan yang beginilah yang diperlukan oleh negara bagi menjana pembangunan ekonomi yang lebih mapan. Kepentingan program pembangunan modal insan secara holistik turut diberikan perhatian dalam setiap pembentangan bajet (Bajet tahun-tahun 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012) serta dalam Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10.

Abad 21, khususnya dalam era Malaysia menuju ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, maka banyak cabaran yang terpaksa dihadapi terutama dalam aspek menyediakan modal insan negara yang berkecekapan, berkemahiran tinggi dan memiliki nilai-nilai yang positif. Merekalah yang diharap dalam melaksanakan pelbagai program pembangunan negara khususnya seperti yang telah dirancang dalam Program Transformasi Ekonomi untuk meletakkan sasaran Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Walaupun pendidikan secara formal melalui sekolah, kolej, universiti serta pusat-pusat latihan memainkan peranan yang amat besar dalam menyediakan modal insan yang diharapkan, namun pembacaan buku juga merupakan aktiviti yang menyumbang ke arah pembangunan modal insan tersebut. Sehubungan dengan peranan tersebut, maka industri buku perlu melakukan perubahan drastik dan membuat lonjakan berganda bagi memperkasakan industri tersebut sesuai dengan peranan membangunkan minda dan budaya modal insan supaya mencapai minda kelas pertama.

Justeru itu, halangan pertama yang perlu di atasi ialah bagaimana kita dapat mengangkat industri buku negara menjadi suatu industri penting dan dapat menyokong program pembangunan negara?

Kedua, bagaimana kita memastikan pembacaan buku boleh menyumbang kepada pembangunan minda modal insan yang lebih seimbang?

Ketiga ialah bagaimana kita dapat meningkatkan minat membaca masyarakat di negara ini? Kajian yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM, 2005) menunjukkan minat membaca masih rendah iaitu membaca dua buku

setahun, secara relatifnya tidak memuaskan berbanding kadar literasi yang tinggi dan setara dengan negara-negara maju. Persoalan pertama, bagaimana kita dapat mengeluarkan masyarakat negara ini daripada perangkap 'kurang membaca' supaya mereka 'suka membaca' serta menjadikan aktiviti membaca sebagai amalan harian?

Ketiga-tiga aspek ini akan dinilai, dihurai, di analisis dan di bincang dalam pembentangan kertas ini supaya akhirnya kita dapat merumuskan program-program yang relevan dan sesuai dan dapat dijadikan pelan induk (blue print). Maka akhirnya pelan induk ini akan dinamakan sebagai Program Transformasi Industri Buku Malaysia Ke Arah Negara Maju 2020. Harapan kami seterusnya, agar pelan induk yang akan dihasilkan nanti menjadi panduan dan rujukan kerajaan dalam merancang dan menggubal sesuatu program pembangunan negara. Program transformasi ini akan bersifat holistik dan mengambil kira semua aspek yang mempunyai kesan secara langsung atau tidak langsung kepada industri buku dan pembangunan negara.

Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi

Malaysia telah meletakkan sasaran akan menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sesuai dengan matlamat tersebut, kerajaan telah melancarkan Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme atau ETP) sebagai satu usaha komprehensif yang akan mentransformasi Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 iaitu selaras dengan matlamat dalam Wawasan 2020.¹ ETP dijangka mampu meningkatkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita Malaysia dari RM23,700 (2009) ke tahap RM48,000 pada tahun 2020, dan dengan itu turut memacu kemajuan negara ke tahap yang sama dengan negara-negara berpendapatan tinggi yang lain. Untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020, ekonomi Malaysia mesti berkembang sebanyak 6% setiap tahun bagi mencapai PNK per kapita RM48,000 pada tahun 2020.

Apakah ciri-ciri bagi negara maju dan berpendapatan tinggi? Mengikut definisi yang digunakan oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, ciri-ciri lazim bagi ekonomi berpendapatan tinggi ialah sektor perkhidmatan yang berkembang maju, keseimbangan pelaburan dan penggunaan swasta serta tahap produktiviti yang tinggi. Ciri-ciri ekonomi Malaysia sebagai negara berpendapatan

¹ Program Transformasi Ekonomi- Hala Tuju Untuk Malaysia, Kuala Lumpur, 2010.

tinggi yang diharapkan pada tahun 2020 ialah:-

- Sektor perkhidmatan akan menjadi penyumbang lebih besar dalam ekonomi iaitu pada tahap 65% KDNK iaitu meningkat dari 58% pada tahun 2010;
- Penggunaan domestik akan menjadi pamacu utama pertumbuhan iaitu pada tahap 59% KDNK berbanding 54% pada tahun 2009;
- Struktur ekonomi yang lebih seimbang dan kurang bergantung kepada sumber minyak dan gas; dan
- Malaysia akan menjadi sebuah negara yang lebih bersifat bandar iaitu populasi yang tinggal di kawasan bandar akan berkembang dari 64% (2010) kepada 70%(2020) dan kebanyakannya akan tertumpu di Lembah Kelang.

Keperluan Modal Insan Yang Berkemahiran

Mengikut penilaian ETP, modal insan adalah merupakan faktor kritikal yang perlu diberikan perhatian serius dimana kira-kira 32% EPP (Entry Point Projects iaitu program pelaksanaan ETP) mewakili RM120 bilion sumbangan kepada PNK memerlukan pelaburan langsung dalam modal insan. Tambahan pula hampir semua EPP lain juga memerlukan pelaburan tidak langsung dalam modal insan. Suatu kajian semula kemahiran yang diperlukan dalam NKEAs menunjukkan bahawa mungkin terdapat kira-kira 1 juta jawatan kosong pada tahun 2020 yang diramalkan sukar diisi kerana faktor kemahiran tinggi modal insan yang diperlukan. Justeru itu menjelang tahun 2020, negara perlu menyediakan modal insan yang berilmu, berkemahiran tinggi serta mempunyai akhlak yang baik kerana:-

- Negara maju dan berpendapatan tinggi amat bergantung kepada kebolehan dan kemahiran modal insan. Tenaga kerja mahir dan berpengetahuan tinggi merupakan cutting edge kepada daya saing negara. Dalam hal ini, kerajaan akan mengambil langkah holistik bagi memperkukuh sistem pendidikan dan latihan, bermula dari peringkat pendidikan awal kanak-kanak hingga peringkat pengajian tinggi;
- Modal insan merupakan pelaburan terpenting bagi pembangunan sesebuah negara dan menjadi teras kepada inovasi dan ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif; dan
- Modal insan berkemahiran tinggi merupakan asas terpenting bagi mencapai ekonomi berpendapatan tinggi.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, maka negara mesti berusaha

menyediakan tenaga kerja yang berwibawa yang berbekalkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang termasuk sains dan teknologi. Modal insan yang diperlukan ialah individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Inilah ciri-ciri modal insan yang mempunyai personaliti unggul. Merekalah yang akan menentukan hala tuju negara pada masa depan.²

Hubungan Buku Dengan Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi

Apakah hubungan industri buku dengan status negara maju dan berpendapatan tinggi tersebut?

Hubungan kedua-duanya dapat diuraikan seperti berikut:-

Membaca ialah salah satu bentuk pembelajaran.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa semua individu malahan dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat pengajian universiti dan juga setelah berada di alam pekerjaan, amat digalakkan membaca terutama membaca buku-buku yang berilmu bagi menambah pengetahuan dan kemahiran. Kelebihan membaca telah dibuktikan semasa wahyu pertama diturunkan kepada baginda Rasulullah SAW iaitu ayat Iqra' (Bacalah...).

Para sarjana telah mengkaji dan mengenal pasti kelebihan atau faedah membaca buku iaitu:-

- Membaca dapat menambah ilmu pengetahuan
- Membaca adalah senaman minda dan baik untuk kesihatan diri
- Dapat memberikan fokus kepada sesuatu perkara
- Membaca dapat meningkatkan memori
- Membaca dapat melatih diri menjadi seseorang yang berdisiplin
- Membaca dapat meningkatkan kreativiti
- Membaca mengurangkan perasaan bosan
- Membaca dapat mengurangkan stres
- Membaca dapat meningkatkan kemahiran membaca dan perbendaharaan kata
- Membaca dapat meningkatkan komunikasi.

² Buku Rasmi Malaysia, 2006, Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur.

Tambahan pula kerajaan menekankan peri pentingnya ekonomi yang berasaskan pengetahuan (k-economy) dimana pengetahuan sebagai enjin pertumbuhan ekonomi.

Membaca ialah kaedah yang paling berkesan dalam membangunkan bahasa dan personaliti secara sistematik.

Beberapa contoh persekitaran telah membuktikan murid yang rajin membaca telah berjaya dalam peperiksaan dan seterusnya muncul sebagai pelajar cemerlang negara. Apakah ciri-ciri cemerlang tersebut hanya lahir dari pembelajaran dalam kelas sahaja.

Hakikatnya mereka yang membaca telah dapat memanfaatkan ilmu-ilmu yang terdapat dalam buku yang dibaca sebagai contoh untuk diamalkan. Ikon pelajar seperti Nur Amalina Che Bakri telah diiktiraf sebagai pelajar cemerlang peringkat kebangsaan melalui pembacaan buku kerana beliau juga adalah pemenang Anugerah Nilam peringkat kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Membaca merupakan salah satu ciri pembelajaran sepanjang hayat (life-long learning)

Mungkin tidak semua orang dewasa mampu mengikuti kursus atau menghadiri kelas pembelajaran secara formal, tetapi mereka digalakkan menjadikan pembacaan sebagai salah satu kaedah pembelajaran yang berkesan. Malah mengikut Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bil tahun 2009 juga telah menyatakan bahawa semua pegawai pekhidmatan pelajaran digalakkan membaca buku-buku yang bermutu bagi menambah pengetahuan dan kemahiran selaras dengan dasar penjimatan perbelanjaan kerajaan.³

Justeru itu, bagaimana kita ingin menggalakkan rakyat membaca bermula dari peringkat bayi hingga ke peringkat dewasa? Bagaimana kita ingin menjadikan aktiviti membaca buku sebagai aktiviti yang diamalkan sebagai suatu budaya masyarakat Malaysia? Kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kadar minat membaca masyarakat Malaysia adalah tidak selaras dengan kadar literasi. Walaupun kadar literasi negara menunjukkan pencapaian kadar yang menyamai negara-negara maju, tetapi kadar minat membaca masih rendah.

³ Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bil /2009

Peranan Penerbit dan Penjual

Penerbit di negara ini mempunyai peranan yang mencabar bagi melahirkan negara maju dan berpendapatan tinggi. Menurut Law King Hui (Hala Tuju Industri Buku Dalam Membina Negara Maju- Perspektif Penerbit, 2007), penerbit mesti menerbitkan buku yang baik dan berkualiti serta memastikan harganya diletakkan pada paras yang sesuai dan wajar. Penerbit juga perlu memastikan buku-buku yang diterbitkan itu disebar secara meluas untuk kemudahan akses kepada pembaca. Penjual pula perlu memastikan buku tersebut disebarkan kepada masyarakat dengan sebaik-baiknya.

Dalam kes ini bagi menggalakkan masyarakat di negara ini membaca buku maka peranan perpustakaan awam hendaklah ditingkatkan supaya menjadi alternatif rakyat yang utama dan memastikan kemudahan akses kepada pengguna khususnya pembaca.

Mengikut Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO)- Negara maju mesti menerbitkan sekurang-kurangnya 0.1% atau 26,000 tajuk buku baharu pada setiap tahun dan Malaysia hanya menerbitkan kira-kira 16,000 tajuk buku baharu pada tahun 2009.

Persoalannya bagaimana industri khususnya penerbit dapat menghasilkan bilangan judul yang melebihi keperluan pasaran. Akibatnya bukan sahaja buku tidak boleh dijual, tetapi penjual dan penerbit akan menanggung kerugian, manakala penulis pula tidak mendapat pulangan dalam bentuk royalti.

Hakikatnya, industri buku di negara ini telah diserahkan kepada pihak swasta dan ditentukan oleh kuasa pasaran. Oleh itu, penawaran atau penerbitan dan permintaan terhadap buku ditentukan oleh pasaran semata-mata (iaitu oleh penawaran dan permintaan). Jika besar permintaan maka akan diikuti kenaikan dalam penawaran dimana penulis dan penerbit akan meningkatkan usaha untuk menerbitkan bilangan tajuk buku dalam jumlah yang besar. Tetapi sebaliknya akan berlaku, jika terdapat kekurangan dalam permintaan terhadap buku maka penulis khususnya penerbit akan mengurangkan jumlah tajuk buku yang diterbitkan dalam tempoh tersebut. Berdasarkan pemerhatian, didapati segmen pasaran buku dinegara ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu pasaran individu dan pasaran institusi.

Pasaran pembeli individu telah berkembang dan menyumbang sebanyak 40% berbanding pembelian institusi menyumbang kepada 60%. Turut diakui bahawa pembelian individu telah meningkat dalam tempoh kebelakangan ini tetapi kadar peningkatan ini tidak dapat menampung kadar penurunan yang besar dalam pembelian institusi. Sentimen pasaran dan kekurangan kuasa beli

terutamanya pembelian institusi ini telah mengakibatkan permintaan terhadap buku di negara ini telah menguncup.

Apabila permintaan dan penawaran buku ini diserahkan kepada kuasa pasaran maka ianya turut mempengaruhi jenis buku yang diterbitkan dan lebih cenderung kepada penerbitan buku popular seperti buku rujukan, ulangkaji, agama, buku panduan dan novel remaja dimana semuanya laris di pasaran. Dalam hal ini selain kuasa pasaran, campur tangan kerajaan khususnya pemerintah masih diperlukan bagi menyokong dan menyemarakkan industri buku tempatan supaya masing-masing boleh memainkan peranan dengan berkesan. Disinilah peranan kerajaan perlu menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi perolehan buku khususnya untuk koleksi perpustakaan awam dan institusi.

Oleh itu, kami mencadangkan agar dibuat suatu tindakan drastik Transformasi Industri Buku Malaysia Ke Arah Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi bagi menyokong program-program pembangunan negara.

LATAR BELAKANG INDUSTRI BUKU MALAYSIA

Penerbitan Buku di Malaysia

Industri penerbitan buku di Malaysia telah mengalami tempoh yang tidak menentu. Turun naik permintaan terhadap buku telah mengakibatkan berlaku turun naik dalam penerbitan. Berdasarkan statistik dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terdapat keadaan tidak konsisten dalam jumlah tajuk buku baharu yang diterbitkan oleh penerbit-penerbit swasta iaitu pada kadar purata 16,000 tajuk buku setahun. Seterusnya, rekod PNM menunjukkan jumlah tajuk baharu yang telah di serahkan kepada PNM di bawah Akta Penyerahan Bahan Terbitan Negara sebagai suatu bukti buku tersebut telah diterbitkan dan berada di pasaran bagi tempoh 3 tahun (2008-2010) ialah 16,044 judul (2008), 15,767 judul (2009) dan 15,757 (2009).

Bilangan judul baharu yang dipaparkan ini menunjukkan telah berlaku penurunan yang agak ketara dan tempoh tersebut dan salah satu puncanya ialah pengurangan yang agak besar dari segi bajet perolehan buku di pasaran institusi.

Mengikut sumber PNM, terdapat lebih 26,000 permohonan no. ISBN yang telah diterima pada tahun 2011 tetapi jumlah yang diserahkan kepada PNM dibawah penguatkuasaan akta dijangka jauh berkurangan daripada angka

tersebut. Persoalannya mengapa jumlah penerbitan tersebut masih belum dapat dicapai, mungkinkah penerbit tidak menyerahkan bahan tersebut kepada PNM. Jika dasar perolehan bahan perpustakaan diambil kira sebagai salah satu kriteria perolehan buku maka buku yang tidak diserahkan kepada PNM tidak akan dibeli oleh perpustakaan awam. Mungkin kekurangan bilangan judul yang diserahkan kepada PNM tersebut adalah judul buku yang tidak atau belum diterbitkan lagi. Mungkinkah disini faktor permintaan oleh institusi khususnya perpustakaan awam merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kekurangan judul buku baharu yang diterbitkan pada setiap tahun.

Pasaran Buku Malaysia

Mengikut rekod kajian, nilai jualan buku di Malaysia ialah berjumlah RM2.1 bilion (2011) dan sebahagian besarnya melibatkan pembelian buku teks, buku rujukan, ulangkaji peperiksaan dan buku kerja. Buku dalam kategori umum yang mendapat pasaran tinggi ialah buku-buku agama, novel remaja, buku wanita dan judul am.

Pembelian institusi khususnya institusi yang menyumbangkan perolehan yang besar sebelum ini seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia (Bahagian Teknologi Pendidikan/ Bahagian Buku Teks), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), perpustakaan negeri dan perpustakaan IPT juga turut mengalami pengurangan yang ketara dalam peruntukan membeli buku.

Kadar Literasi dan Minat Membaca

Kadar literasi rakyat Malaysia ialah 93% iaitu berada pada paras yang sama dengan beberapa negara maju. Malangnya kadar minat membaca adalah amat rendah iaitu 65% dan secara relatifnya amat rendah berbanding dengan kadar literasi yang tinggi. Rakyat Malaysia dikatakan membaca 2 naskhah buku setahun (2008) dan termasuk dalam kelompok negara-negara yang rakyatnya kurang membaca. Begitu juga bahan-bahan yang dibaca terhad kepada ahkbar, majalah hiburan dan bacaan ringan.

Dasar Buku Negara

Dasar Buku Negara (DBN) yang telah disemak semula pada tahun 2008 juga menggariskan dasar yang bersepadu supaya dapat membentuk masyarakat membaca, meningkatkan profesionalisme dalam industri buku serta kegiatan perbukuan dikategorikan sebagai salah satu industri penting dalam aspek

pembangunan negara. Matlamat DBN ialah:-

- Memastikan buku khususnya buku dalam bahasa Melayu dapat memainkan peranan sebagai alat pembangunan fikiran, sosial dan kebudayaan sesuai dengan keperluan modal insan dan cita-cita negara;
- Memastikan buku dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat di negara ini;
- Memastikan rakyat negara ini mempunyai minat membaca yang tinggi menjelang tahun 2020; dan
- Memastikan buku yang diterbitkan di negara ini mencapai mutu yang baik dari segi kandungan dan bentuk fizikalnya.

Sehubungan dengan usaha semakan DBN tersebut maka beberapa jawatankuasa penggerak DBN telah diwujudkan bagi memainkan peranan dengan lebih berkesan, iaitu:-

- Jawatan Kuasa Pembentukan Dasar, Akta, Organisasi dan Amalan Profesionalisme (MBKM);
- Jawatan Kuasa Pembangunan Modal Insan Industri Penerbitan dan Perbukuan (DBP);
- Jawatan Kuasa Penggalakan Minat Membaca dan Pembangunan Perpustakaan Komuniti (PNM);
- Jawatan Kuasa Pembangunan Penggalakan Industri Penterjemahan (ITBM); dan
- Jawatan Kuasa Promosi, Penjenamaan, Pengiktirafan dan Pemasaran (MBKM).⁴

HALA TUJU INDUSTRI BUKU MALAYSIA

Selaras dengan keperluan transformasi industri buku Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi 2020, maka beberapa program besar dan menyeluruh mesti dilaksanakan. Pelaksanaan program ini bukan sahaja untuk memastikan

⁴ Sumber Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Dasar buku Negara, Semakan 2008, Kuala Lumpur. Belum diterbitkan.

Hala Tuju Industri Buku Membina Negara Maju-Perspektif Penerbit, Law King Hui, 2007

industri buku dapat menyokong program pembangunan negara, malah ianya untuk memperkasa dan mengangkat statusnya menjadi sebuah industri yang penting dan dapat meningkatkan jumlah penerbitan 0.1% judul buku baharu berbanding populasi pada setiap tahun.

PROGRAM TRANSFORMASI INDUSTRI BUKU MALAYSIA

Program-program transformasi yang perlu dilaksanakan ialah:-

I. Penstrukturan Semula MBKM

Transformasi mungkin melibatkan rombakan dan perubahan struktur pengurusan MBKM yang berperanan sebagai urusetia. Struktur dan kedudukan yang sedia ada di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia perlu dikaji semula supaya ianya dapat menjalankan peranannya dengan lebih berkesan.

MBKM ditubuhkan kerana DBN. Tujuannya MBKM sebagai urusetia yang menyelaraskan pembangunan dan kemajuan industri buku supaya ianya dapat menyokong pembangunan negara dan meningkatkan minat memabca rakyat Malaysia. Selepas lebih 40 tahun MBKM ditubuhkan, adakah ianya telah dapat memainkan peranan dan tanggung jawab seperti yang diharapkan. Melihatkan kepada perancangan dalam semakan semula DBN, maka peranan MBKM jika dibawah KPM adalah sukar dilaksanakan kerana melibatkan tugas-tugas penyelarasan yang melangkaui beberapa kementerian.

Oleh itu adalah dicadangkan supaya MBKM diletakkan dibawah Jabatan Perdana Menteri supaya ianya mempunyai bidang kuasa dan tanggung jawab yang lebih besar. Jika sesuai maka portfolio ini mungkin diletakkan terus dibawah seorang Menteri atau Timbalan Menteri di JPM.

II. Meningkatkan Profesionalisma Industri Buku

Profesioanlisme dalam industri buku terutama penulis, pekerja-pekerja di bahagian pra cetak, percetakan, pengeluaran, pemasaran dan pengedaran memerlukan kemahiran yang tinggi bagi menangani perubahan teknologi dan suasana bekerja yang baru. Kerjasama strategik melalui perkongsian pintar Swasta-Kerajaan terutamanya dalam mengendalikan latihan jangka pendek dan panjang yang bersesuaian untuk industri. Antara institusi yang boleh bekerjasama dengan ABM ialah UM, UITM, ASWARA, Politeknik dan sebagainya yang menganjurkan pengajian dan kursus dalam bidang penerbitan dan percetakan.

Penubuhan Akademi Buku Malaysia (ABM) yang telah dilancarkan oleh YB Dato Seri Utama Dr Rais Yatim dan mendapat jaminan geran pelancaran mesti

dimanfaat untuk menyediakan latihan yang sesuai dan dalam jangka panjang boleh mengadakan pelbagai kursus pengajian peringkat diploma, ijazah dan ijazah lanjutan.

III. Menyediakan Prasarana dan Kemudahan

Industri buku sebagai sebuah industri yang masih baru memerlukan banyak kemudahan dan prasarana. Pelbagai kemudahan dari segi latihan, khidmat sokongan dari agensi-agensi yang berkaitan seperti MATRADE, Kerajaan perlu menyediakan dana khusus untuk penerbitan kepada penerbit-penerbit swasta yang boleh disalurkan melalui bank komersil seperti BSN dan sebagainya.

IV. Meningkatkan Jumlah Penerbitan Tahunan

Sasaran penerbitan ialah mencapai sekurang-kurangnya 0.1% judul buku setahun berdasarkan jumlah populasi semasa. Berdasarkan statistik semasa penerbitan 16,000 judul buku baharu setahun, dan dengan peningkatan kira-kira 2,000 judul baharu setahun, maka dijangkakan Malaysia akan mencapai kadar penerbitan 0.1% pada tahun 2018 iaitu berjumlah 30,000 judul buku baharu setahun.

Namun begitu, sasaran ini amat bergantung kepada usaha bersepadu semua pihak. Bermula dari penulis yang menghasilkan karya-karya yang bermutu, diikuti dengan kesanggupan penerbit menerbitkan karya tersebut dalam bentuk buku yang bermutu dan akhir sekali serta wujud permintaan di pasaran yang turut ditentukan oleh pembelian institusi.

V. Kualiti Kandungan dan Fizikal

Ini merupakan salah satu cabaran yang perlu di pikul oleh penulis dan penerbit. Penulis mestilah lebih kreatif untuk menghasilkan karya-karya yang bermutu, manakala penerbit pula mesti sanggup menerbitkan karya tersebut dalam bentuk buku yang bermutu.

Kandungan buku amat penting kerana inilah bahan yang akan disajikan kepada para pembaca.

VI. Memanfaatkan Kemajuan Teknologi dan ICT

Teknologi penerbitan dan pemasaran buku pada masakini perlulah menearapkan penggunaan teknologi baru dan ICT yang rancak berkembang. Proses penerbitan dan buku telah turut mengalami perubahan yang amat drastik. Proses kerja telah turut berubah menjadi lebih mudah dan cepat. Buku fizikal juga telah mula diganti dengan berbagai bentuk buku elektronik. Pemasaran dan pengedaran buku juga turut menggunakan teknologi baru dan ICT iaitu dengan konsep kedai maya (e-commerce) turut mencorakkan selera dan tabiat baru para pembaca Malaysia.

VII. Pemasaran dan Pengedaran

Walaupun terdapat pengekaln dalam pemasaran dan pengedaran buku di negara secara tradisonal tetapi dengan kemajuan teknologi dan ICT, penerbit dan penjual telah mula menggunakan pendekatan yang lebih moden. Lebih 50% penerbit telah memiliki website mereka sendiri sebagai salah satu kaedah promosi, manakala terdapat lebih 100 website dan blogs yang mengusahakan jualan buku secara online.

Pendekatan moden yang lebih menjimatkan masa dan kos ini sekurang-kurangnya telah dapat mengatasi masalah kekurangan outlet jualan atau kedai-kedai buku di seluruh negara terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan di Sabah dan Sarawak. Keadaan ini turut membantu memberi peluang kepada rakyat yang kurang kemudahan akses kepada buku-buku yang baik dan berkualiti, serta dapat mengurangkan jurang akses kepada ilmu pengetahuan.

Pada masa depan, Perbadanan Kota Buku (PKB) yang baru diperbadankan diharap dapat memainkan peranan dengan lebih aktif mewujudkan portal utama buku Malaysia –sebagai pusat pemasaran dan pengedaran setempat bagi buku-buku Malaysia.

VIII. R&D dan Bank Data

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) memerlukan dana dan usaha yang tinggi dan tidak mampu dilakukan oleh penerbit-penerbit swasta. Tambahan pula, lebih 80% penerbit yang berdaftar di negara ini adalah bersaiz kecil dan sederhana. Jika ada pun R&D dijalankan oleh penerbit-penerbit utama, maka tujuan dan skopnya amat terhad kepada keperluan mereka dan bukan bagi keperluan industri atau negara. Maka itu, industri buku dan negara menghadapi masalah data dan maklumat yang tidak lengkap dan penyimpanan data yang tidak sistematik (bank data).

Adalah diharapkan dengan penstrukturan baru MBKM nanti, diharapkan MBKM akan menjadi peneraju kepada R&D dalam industri buku. Tanpa data dan maklumat yang lengkap dan tanpa usaha inovasi maka industri buku negara sukar ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.

IX. Sokongan Kerajaan

Industri buku di Malaysia dikatakan masih baru dan sedang berdepan dengan pelbagai cabaran yang sukar di atasi tanpa penglibatan dan sokongan kerajaan. Bagi menjamin kelestarian industri buku, maka di cadangkan kerajaan mewujudkan suatu 'Skim Jaminan Perolehan Buku Baharu' iaitu dengan menetapkan kadar permulaan 2,000 naskhak buku yang diterbitkan dalam di negara dibeli oleh kerajaan untuk ditempatkan di semua perpustakaan awam dan institusi (dengan

mengambil kira kira-kira 2,000 buah perpustakaan awam dan institusi di seluruh negara).

Kesan yang ketara ialah usaha ini dapat memberi akses yang besar kepada rakyat terhadap buku-buku yang baik dan berkualiti yang diterbitkan oleh penerbit dalam negara. Sebarang maklumat, inovasi atau pengetahuan baharu boleh terus disalurkan kepada rakyat dan sebagai salah usaha menggalakkan mereka membaca.

Usaha ini juga akan mewujudkan multiple effect iaitu apabila wujud permintaan terhadap buku dalam kuantiti yang besar, maka penerbit akan berusaha menerbitkan buku tersebut. Manakala penulis juga akan terus berkarya dan menghasilkan manuskrip yang baik. Sesungguhnya usaha ini akan memberi faedah bukan sahaja kepada pembaca melalui inisiatif kerajaan menyediakan lebih banyak buku di perpustakaan awam tetapi juga kepada semua pihak yang terlibat dalam rantai industri buku.

STRATEGI TRANSFORMASI

Bagi mencapai objektif transformasi tersebut maka pelbagai strategi mesti dilakukan dan antaranya ialah:

I. Memantapkan penyelarasan

MBKM sebagai urusetia bagi kemajuan industri buku dan minat membaca rakyat maka bidang kuasa dan tanggung jawabnya perlulah ditingkatkan dan diletakkan di tempat sesuai dengan peranan barunya untuk membina minda kelas pertama modal insan yang diperlukan dalam usaha mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi 2020.

Penempatan semula MBKM di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah suatu langkah bijak selain meletakkan seorang Menteri kabinet untuk mengawal selia supaya memperlihatkan suatu inisiatif baru bagi membina minda kelas pertama bagi modal insan yang cemerlang untuk membina negara bangsa.

II. Perkongsian pintar kerajaan-swasta

Usaha pihak kerajaan semata-mata untuk memajukan industri buku dan meningkatkan minat membaca masyarakat akan menjadi sukar tanpa melibatkan pihak swasta. Suatu usaha kerjasama pintar antara kerajaan dengan swasta perlu dijalin dan digembelingkan bagi mencapai kedua-dua hasrat yang dinyatakan.

Pihak kerajaan melalui agensi-agensi yang telah diwujudkan iaitu DBP, ITBN dan PKB boleh dijadikan sebagai peneraju kepada usaha memajukan industri buku dan minat membaca. Semua pihak perlu berkerjasama dengan

meletakkan kepentingan negara sebagai asas kerjasama. Tujuannya mesti sama iaitu bagaimana pihak kerajaan-swasta boleh bersama membina modal insan yang memiliki minda kelas pertama dan menjadikan buku sebagai wahana pembangunan minda.

III. Membangun masyarakat suka membaca

Kajian pakar menunjukkan bahawa kadar membeli buku adalah lebih tinggi berbanding kadar meminjam buku di negara-negara maju, tetapi kadar sebaliknya berlaku di negara-negara yang sedang membangun. Di Malaysia, walaupun belum dibuktikan melalui kajian yang saintifik tetapi didapati kadar meminjam buku adalah lebih rendah berbanding kadar membeli. Dapatan ini adalah sinonim sifatnya bagi negara-negara yang sedang membangun.

Suatu penemuan kajian yang lain menunjukkan kadar jumlah minimum buku yang mesti dimiliki oleh setiap perpustakaan sekolah yang baik ialah 10:1. Dapatan ini bermaksud setiap perpustakaan disekolah perlu memiliki buku yang banyak iaitu sekurang-kurangnya 10 kali ganda daripada jumlah pelajaranya. Jika sekolah tersebut mempunyai 2,000 orang murid, maka perpustakaan sekolah itu mesti memiliki 20,000 naskhah buku yang baik dan berkualiti. Maka, disini dua perkara perlu diberikan perhatian oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu jumlah buku yang ada diperpustakaan setiap sekolah atau institusi serta kualiti buku yang disediakan untuk bacaan murid-murid mereka.

Sehubungan dengan perkara di atas, untuk menggalakkan minat membaca, pertama ialah kerajaan perlu menyediakan buku yang cukup dan berkualiti untuk dibaca. Kedua, pihak perpustakaan mesti menyediakan kemudahan akses yang lebih luas, mudah dan mesra rakyat bagi membina minat membaca.

IV. Pembangunan modal insan kelas pertama

Dalam era menuju negara maju dan berpendapatan tinggi 2020, buku tidak sahaja dilihat sebagai sumber ilmu dan maklumat. Sesuai dengan peranan baru iaitu buku sebagai mekanisme pembangunan modal insan kelas pertama, maka industri buku pelulah diangkat dan diletakkan statusnya ditempat yang sesuai dan wajar.

Negara akan kekurangan modal insan yang mempunyai nilai-nilai murni yang hebat dan diharapkan untuk membina negara bangsa. Kajian indeks jenayah rasuah antarabangsa menunjukkan kadar indeks rasuah negara semakin menurun pada setiap tahun. Apa yang dikhuatirkan akan berlaku ialah apabila negara terlalu memberi perhatian kepada aspek-aspek pembangunan ekonomi semata-mata maka akhirnya modal insan yang dihasilkan mempunyai nilai-nilai diri yang buruk dan akan meningkatkan lagi jenayah kolar biru.

Industri buku dinegara ini hendaklah disokong dan digalakkan bertumbuh dengan baik. Penulis-penulis digalakkan menghasilkan karya-karya yang baik dan berkualiti untuk diterbitkan. Penerbit pula digalakkan untuk menerbitkan buku-buku yang baik dan berkualiti. Seterusnya masyarakat juga digalakkan untuk membaca buku-buku yang baik dan berkualiti tersebut supaya mereka mendapat kesan dan mengambil pengajaran dari pengetahuan dan maklumat yang terdapat dalam buku tersebut.

V. Perpustakaan sebagai sumber pembangunan modal insan

Dalam era negara menuju ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi, maka perpustakaan tidak lagi dilihat peranannya sebagai pusat sumber dan maklumat. Sesuai dengan status dan peranan barunya maka perpustakaan adalah dianggap sebagai sumber pembangunan minda bagi menghasilkan modal insan kelas pertama.

VI. Sokongan dan inisiatif kerajaan

Y.A.B Datuk Mohd Najib, Perdana Menteri (ketika itu TPM) semasa merasmikan mesyuarat agung Dewan Industri Buku Melayu Malaysia (DIBMM) pada tahun 2004 telah mencadangkan penubuhan Kota Buku sebagai mercu tanda dan pusat kegiatan perbukuan di Malaysia. Y.A.B Perdana Menteri sekali lagi dalam ucapan pembentangan Bajet 2012 telah mencadangkan pemberian baucar buku bernilai RM200 kepada 1.3 juta pelajar IPT, Politeknik, Matrikulasi dan Tingkatan Enam yang melibatkan perbelanjaan RM260 juta. Pemberian baucar ini diharap dapat mengurangkan bebanan perbelanjaan pengajian pelajar dan menggalakkan minat membaca masyarakat negara ini.

Y.A.B Tan Sri Muhyiddin Mohamad Yassin dalam ucapan Perasmian Pesta Buku Kuala Lumpur 2011 telah menggesa semua pihak agar berusaha mencapai penerbitan 26,000 judul buku setahun atau 0.1 daripada jumlah penduduk negara ini sebagai usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju 2020.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pula telah menegaskan bahawa penerbitan buku atau bahan akademik dalam bahasa Melayu akan dijadikan sebagai salah satu kriteria untuk perjawatan dan kenaikan pangkat ahli akademik di insituti pengajian tinggi (IPT). Kenyataan ini telah mengangkat dan meletakkan penerbitan buku sebagai aktiviti dalam meningkatkan keinteltualan para ilmuan di IPT.

Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim pula dalam majlis di Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah menegaskan bahawa peruntukan pembelian buku terus dari penulis yang disalurkan melalui PNM bertujuan menggalakkan penulis muda berkarya dan membangunkan komuniti penulis.

Jika dilihat dari catatan peristiwa-peristiwa di atas maka tidak dapat dinafikan lagi, terdapat berbagai-bagai inisiatif dan sokongan yang telah dan akan diberikan oleh kerajaan dalam menggalakkan pertumbuhan industri buku. Namun begitu, dana baharu yang dicadangkan ini lebih bersifat menyeluruh iaitu dana 'Skim Jaminan Pembelian Buku Baharu' (SJPBB) yang akan memberi faedah terus kepada pembaca khususnya dan rakyat amnya. Mengikut unjuran yang di cadangkan dengan anggaran jumlah judul buku baharu setahun dan pembelian sebanyak 2,000 naskah yang berharga purata RM30 ialah RM1.2 bilion (2012), RM1.38 bilion (2013), RM1.56 bilion (2014) dan terus bertambah tahun ke tahun seperti di jelaskan dalam jadual di LAMPIRAN A.

Malaysia di jangka mampu menerbitkan lebih 26,000 judul buku baharu atau 0.1% setahun seperti diperlukan bagi meletakkan Malaysia sebagai negara maju 2020.

PENUTUP

Industri buku ialah industri ilmu yang berperanan membina minda kelas pertama bagi memenuhi keperluan modal insan pada abad ke-21. Modal insan yang hebat, trampil dan mempunyai nilai-nilai yang positif amat diperlukan untuk memastikan Malaysia mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Buku yang baik dan berkualiti amat diperlukan bagi menjamin program pembangunan modal insan yang seimbang. Sehubungan dengan itu, industri buku mesti diperkasa, minat membaca ditingkatkan melalui program-program transformasi. Semua program transformasi telah dicadangkan perlu dibahaskan supaya akhirnya kita dapat merumuskan ke dalam sebuah pelan induk (blue print) yang mantap dan dapat membantu dalam program pembangunan negara.

Bagi melestarikan hasrat tersebut, industri buku negara tidak boleh diserahkan kepada kuasa pasaran semata-mata. Campur tangan kerajaan khususnya dalam menyediakan prasarana, kemudahan, dana dan sebagainya masih diperlukan untuk memastikan industri buku dapat diperkasa dan diletakkan ditempat yang wajar dalam pembangunan negara serta memupuk minat membaca rakyat. Semua hasrat ini boleh dicapai sekiranya terdapat kerjasama dan perkongsian pintar kerajaan-swasta untuk menjayakan program pembangunan minda kelas pertama modal insan yang diharapkan. Modal insan inilah merupakan harapan kita untuk meletakkan Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020.